



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

MANFAAT SKIM SAHAM PEKERJA

KETETAPAN UMUM NO. 11/2012

TARIKH KELUARAN: 13 DISEMBER 2012



Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 13 Disember 2012

Edisi pertama pada 13 Disember 2012

(Ketetapan Umum No. 4/2004 bertarikh
9.12.2004 telah digantikan dengan penerbitan
Edisi Pertama ini.)

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Ringkasan Pindaan	1
3. Peruntukan Berkaitan	3
4. Interpretasi	3
5. Skim Saham Pekerja	5
6. Layanan Cukai Ke Atas Manfaat Yang Terbit Daripada Skim Saham	9
7. Pengiraan Nilai Manfaat Saham	13
8. Tanggungjawab Pekerja	26
9. Tanggungjawab Majikan	26
10. Perbelanjaan Berkaitan Terbitan Saham Baru	28
11. Lampiran A	29
12. Lampiran B	32
13. Lampiran C	33

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menjelaskan –

- (a) layanan cukai berhubung dengan manfaat yang terbit daripada skim saham pekerja yang diterima oleh seorang pekerja daripada majikannya kerana menjalankan penggajian,
- (b) penentuan amaun atau nilai manfaat skim saham pekerja yang merupakan perkuisit dan sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian, dan
- (c) tanggungjawab majikan apabila menawarkan skim saham dan tanggungjawab pekerja apabila menerima manfaat daripada skim saham.

2. Ringkasan Pindaan

Ketetapan ini diterbitkan untuk menggantikan Ketetapan Umum No. 4/2004 yang dikeluarkan pada 9.12.2004. Antara pindaan yang dibuat kepada Ketetapan Umum (KU) yang digantikan adalah diringkaskan seperti berikut:

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2004	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
1	1	Digantikan	Penjelasan
2	3		
3.1		Dipotong	
3.2			
3.3			
3.4			
3.5	4.1	Digantikan	
3.6		Dipotong	
3.7	4.2	Disusun semula	Penjelasan (Baharu)
3.8	4.4		
3.9	4.5		
3.10	4.6		
3.11	4.7		

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2004	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
3.12 3.13 3.14	4.8 4.11 4.13	Disusun semula	Penjelasan (Baharu)
Tiada	4.3 4.9 4.10 4.12 4.14	Baharu	Penjelasan (Baharu)
4.1 4.2 4.3 4.4 4.5 5 5.2 5.3 5.4 5.5 5.6	5.4 6 5.4 5.2 5.1 7.1 7.1	Digantikan	Penjelasan (Baharu)
Tiada	5.3 5.5 5.6 5.7 6 7.2 7.3	Baharu	Penjelasan (Baharu)

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2004	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
Tiada	7.4 7.5 7.6 7.7	Baharu	Penjelasan (Baharu)
6 7 8	8 9.1 9.2 9.3 9.4	Digantikan	Penjelasan (Baharu)
Tiada	10	Baharu	Penjelasan (Baharu)

3. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah perenggan 4(b) dan 13(1)(a), seksyen 25, subseksyen 25(1A) dan 32(1A), seksyen 77, 83 dan 107(2).

4. Interpretasi

Perkataan yang diguna pakai dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 4.1 “Harga tawaran” adalah harga yang perlu dibayar oleh pekerja bagi setiap saham yang ditawarkan di bawah skim saham pekerja.
- 4.2 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
 - (a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan,
 - (b) jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 4.3 “Nilai aset bersih” adalah nilai aset setelah ditolak liabiliti.
- 4.4 “Opsyen” adalah pemberian hak ke atas sejumlah saham oleh majikan kepada pekerja pada sesuatu harga tertentu untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

- 4.5 “Pekerja” berhubung dengan suatu penggajian, bermaksud –
- (a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan,
 - (b) jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya pemegang pelantikan atau jawatan yang menzahirkan penggajian itu.
- 4.6 “Penggajian” bermaksud –
- (a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - (b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saaraan kena dibayar.
- 4.7 “Perkuisit” bermaksud manfaat yang boleh ditukarkan kepada wang yang diterima oleh pekerja daripada majikan atau pihak ketiga kerana mempunyai atau menjalankan sesuatu penggajian.
- 4.8 “Potongan Cukai Bulanan” (PCB) bermaksud potongan cukai pendapatan daripada saaraan bulanan semasa pekerja yang dibuat mengikut Jadual Potongan Bulanan di bawah Kaedah 3, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994.
- 4.9 “Saham” bermaksud –
- (a) saham biasa berbayar dalam modal syarikat, dan
 - (b) saham perbendaharaan dalam syarikat itu sendiri, syarikat induk atau syarikat subsidiarinya.
- 4.10 “Saham Perbendaharaan” bermaksud saham syarikat yang sebelum ini dikeluarkan tetapi telah dibeli semula, ditebus atau sebaliknya yang diperoleh oleh syarikat itu dan tidak dibatalkan.
- 4.11 “Stok” bermaksud modal atau dana prinsipal yang diperoleh oleh syarikat melalui sumbangan pelanggan atau jualan saham.
- 4.12 “Tarikh opsyen ditawarkan” bermaksud tarikh di mana majikan menawarkan kepada pekerja opsyen untuk memperoleh saham dalam syarikat, syarikat induk atau syarikat subsidiari.
- 4.13 “Tarikh boleh laksana” bermaksud tarikh pekerja boleh melaksanakan hak (yang telah diberi oleh majikan) untuk memperoleh saham syarikat.
- 4.14 “Tarikh dilaksana” bermaksud tarikh pekerja melaksanakan hak (yang telah diberi oleh majikan) untuk memperoleh saham syarikat .
- 4.15 “Terletak hak” bermaksud mempunyai hak mutlak ke atas saham.

5. Skim Saham Pekerja

5.1 Pemberian saham di bawah skim saham pekerja

Pemberian saham kepada pekerja oleh majikan adalah untuk menghargai peranan pekerja dalam memajukan syarikat dengan mewujudkan perasaan kepunyaan di kalangan pekerja bahawa mereka turut mempunyai hak di dalam syarikat dengan pegangan saham syarikat tersebut. Majikan boleh juga memberi saham kepada pekerjanya untuk menggantikan bayaran iaitu sebahagian daripada saraan yang sepatutnya dibayar secara tunai. Bagi tujuan Ketetapan ini, istilah saham dan stok digunakan bertukar ganti.

5.2 Undang-undang kecil skim saham pekerja

Skim saham yang ditawarkan kepada pekerja secara amnya ditadbir melalui undang-undang kecil. Undang-undang kecil merujuk kepada peraturan yang mentadbir sesuatu skim dan ciri-ciri khusus skim yang menentukan jenis skim yang ditawarkan. Undang-undang kecil juga mengandungi maklumat berkenaan surat tawaran, borang persetujuan penerimaan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Antara perkara yang dinyatakan dalam undang-undang kecil adalah seperti berikut:

- (a) terdapat tawaran opsyen untuk menerima atau membeli saham
- (b) harga saham yang ditawarkan pada masa tawaran dibuat
- (c) tarikh opsyen ditawarkan
- (d) tempoh terletakhak ke atas saham yang ditawarkan
- (e) tarikh boleh laksana (*exercisable*) dan tempoh boleh laksana (*exercised*)
- (f) apa-apa syarat yang dikenakan semasa tawaran saham.

Undang-undang kecil yang berbeza mungkin menggunakan terminologi yang berbeza namun yang penting adalah *substance* dan bukannya bentuk.

5.3 Manfaat saham

Apabila majikan menawarkan kepada pekerja skim untuk memperoleh saham di bawah syarat-syarat yang menguntungkan, iaitu saham ditawarkan kepada pekerja:

- (a) dengan percuma
- (b) pada nilai tara sedangkan saham tersebut mempunyai nilai premium di pasaran saham, atau
- (c) pada satu harga yang ditetapkan (harga diskaun), sedangkan saham tersebut mempunyai nilai lebih tinggi di pasaran saham,

maka pekerja menikmati manfaat daripada skim saham tersebut. Manfaat saham yang diterima oleh pekerja merupakan perkuisit di bawah perenggan

13(1)(a) ACP 1967 kerana ia terbit disebabkan mempunyai atau menjalankan suatu penggajian dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(b) ACP 1967.

5.4 Skim saham biasa

Saham yang ditawarkan kepada pekerja boleh terdiri daripada saham dalam syarikat sendiri, saham syarikat induk atau saham syarikat subsidiari. Syarikat melaksanakan berbagai cara untuk membolehkan pekerja menjadi pemegang saham. Pelaksanaan pemberian saham diberi nama yang berbeza namun ia membawa kepada *substance* yang sama. Selain daripada tawaran hak ke atas saham sebenar dalam syarikat, majikan boleh juga menawarkan wang tunai yang bersamaan dengan nilai atau kenaikan dalam nilai saham tanpa pindahan pemilikan saham. Di antara skim biasa adalah:

- (a) Skim Opsyen Saham Pekerja
- (b) Pelan Pembelian Saham Pekerja
- (c) Skim *Share Award*
- (d) Skim *Share Appreciation Rights*, dan
- (e) Skim Waran.

5.5. Nilai pasaran

Menurut *Malaysian Financial Reporting Standards 2 (MFRS 2)* urusan yang melibatkan bayaran berasaskan saham kepada pekerja dikira merujuk kepada nilai saksama saham pada tarikh tawaran. Walau bagaimanapun bagi tujuan menentukan manfaat yang dikenakan cukai, nilai pasaran saham hendaklah digunakan dalam pengiraan manfaat yang terbit daripada skim saham pekerja.

Dalam kes syarikat tersenarai, nilai saksama adalah dianggap sebagai nilai pasaran. Sebaliknya, untuk syarikat tidak tersenarai, nilai saksama saham adalah nilai aset bersih saham ditentukan menurut formula yang diterangkan dalam perenggan 5.5.2 di bawah.

5.5.1 Nilai pasaran saham syarikat tersenarai

Nilai pasaran saham bagi syarikat yang tersenarai di mana-mana Bursa Saham pada tarikh boleh laksana atau melaksanakan hak untuk memperoleh saham dalam syarikat ditentukan dengan mengambil purata harga tertinggi dan harga terendah pada hari berkenaan. Nilai pasaran seunit saham diringkaskan seperti berikut:

$$\text{Nilai pasaran seunit saham} = \frac{\text{Harga tertinggi} + \text{Harga terendah}}{2}$$

5.5.2 Nilai pasaran saham syarikat tidak tersenarai

Tiada nilai pasaran yang boleh dikaitkan dengan saham yang ditawarkan oleh syarikat yang tidak disenaraikan di mana-mana Bursa Saham. Nilai pasaran saham bagi selain daripada syarikat yang tersenarai di mana-mana Bursa Saham pada tarikh boleh laksana atau melaksanakan hak untuk memperoleh saham dalam syarikat ditentukan dengan membahagikan nilai aset bersih syarikat dengan bilangan saham biasa. Nilai aset bersih bagi setiap unit saham diringkaskan seperti berikut:

$$\text{Nilai aset bersih sesaham} = \frac{\text{Nilai aset bersih}^1}{\text{Bilangan saham biasa}}$$

¹Nilai aset bersih (aset tolak liabiliti) adalah ditentukan dengan mengambil nilai aset dan liabiliti daripada akaun beraudit syarikat yang mana saham telah diberikan kepada pekerja. Nilai aset bersih berdasarkan akaun pengurusan syarikat tidak boleh diterima bagi tujuan menentukan nilai aset bersih sesaham dalam syarikat tidak tersenarai.

5.5.3 Sekiranya tarikh tawaran skim saham, tarikh terletakhak atau tarikh dilaksana jatuh pada tarikh tiada urusan niaga, nilai pasaran saham pada hari dagangan berikutnya bagi syarikat tersebut digunakan.

5.5.4 Dalam kes di mana syarikat mengalami *delisting* dari Bursa Saham, nilai pasaran saham pada hari terakhir dagangan sebelum tarikh *delisting* tersebut digunakan.

5.6 Terletakhak (*vesting*) ke atas saham

5.6.1 Mendapatkan hak ke atas saham

Syarikat boleh menawarkan skim saham sama ada dengan atau tanpa mengenakan syarat terletakhak. Skim saham menawarkan hak, tetapi bukan kewajipan untuk membeli bilangan saham tertentu pada harga dan tarikh yang ditetapkan. Sebelum seseorang pekerja boleh membeli saham (atau melaksanakan opsiyen di bawah skim saham) opsiyen untuk membeli diperlukan. Untuk mendapatkan hak membeli saham, pekerja perlu ada terletakhak untuk memperoleh saham tersebut.

Saham dianggap terletakhak:

- (a) Jika syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pekerja untuk mendapat hak bagi melaksanakan opsiyen skim saham tersebut telah dipenuhi, dan

- (b) kepentingan pekerja di sisi undang-undang atau benefisial dalam saham tersebut tidak boleh dibatalkan walaupun pekerja mungkin belum memiliki saham berkenaan.

Sebagai contoh syarat yang dikenakan adalah seperti meneruskan pekerjaan untuk tempoh masa yang tertentu dalam usaha untuk memperoleh hak untuk melaksanakan skim saham tersebut.

5.6.2 Tempoh terletakhak dan tarikh terletakhak

Tempoh terletakhak (antara tarikh tawaran skim saham dan tarikh terletakhak) adalah tempoh di mana pekerja boleh merealisasikan hak untuk memperoleh saham. Tarikh terletakhak bagi saham adalah tarikh apabila syarat-syarat (jika ada) yang terpakai kepada tawaran saham telah dipenuhi dan sebahagian atau sepenuhnya menjadi boleh dilaksana seperti yang dinyatakan dalam undang-undang kecil skim saham.

5.7 Laksana dan tempoh boleh laksana

Perkataan laksana tidak ditakrifkan di dalam ACP 1967. Secara umumnya, pekerja dianggap telah melaksanakan opsyen skim saham apabila telah mengambil langkah yang perlu sebagaimana diperuntukkan dalam undang-undang kecil skim saham untuk membeli saham berkenaan. Pada masa ditawarkan sesuatu opsyen kepada skim saham, pekerja tidak perlu melaksanakan opsyen tersebut (membeli saham). Skim saham biasanya mempunyai tempoh tertentu di mana pekerja boleh melaksanakan hak terhadap skim saham tersebut. Tempoh boleh laksana adalah tempoh daripada tarikh pertama pekerja boleh melaksanakan hak terhadap skim saham sehingga tarikh akhir skim saham boleh dilaksanakan.

Contoh 1

Syarikat M, syarikat tersenarai di Malaysia menawarkan kepada pengurus pemasarannya, Afandi hak untuk memperoleh 1,000 unit saham dalam syarikat M pada 25.3.2012 pada harga tawaran RM3.00 setiap saham bagi tempoh 3 tahun dari 1.12.2012. Afandi melaksanakan skim saham pada 25.3.2013.



6. Layanan Cukai Ke Atas Manfaat Yang Terbit Daripada Skim Saham

6.1 Sebelum tahun taksiran 2006

6.1.1 Sebelum tahun taksiran 2006, kaedah penentuan manfaat daripada skim opsyen saham adalah berdasarkan perbezaan antara nilai pasaran saham pada tarikh opsyen ditawarkan dengan harga yang ditawarkan oleh majikan. Amaun manfaat daripada skim opsyen saham adalah perkuisit dan diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Pengiraan manfaat adalah seperti di bawah:

	RM
Nilai pasaran saham pada tarikh opsyen ditawarkan	XXX
Tolak:	
Harga tawaran saham pada tarikh opsyen ditawarkan (jika ada ²)	XXX
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967	XXX

²Dalam kes di mana saham percuma diberi oleh majikan, nilai adalah Tiada.

6.1.2 Manfaat daripada skim opsyen saham terbit pada tarikh opsyen dilaksanakan. Manfaat ini berkait dengan tempoh asas di mana opsyen ditawarkan. Tarikh opsyen ditawarkan bergantung kepada skim yang ditawarkan.

6.2 Mulai tahun taksiran 2006

6.2.1 Mulai tahun taksiran 2006, kaedah untuk menentukan manfaat saham kepada pekerja diperuntukkan di bawah subseksyen 25(1A) dan subseksyen 32(1A) ACP 1967.

6.2.2 Subseksyen 25(1A) ACP 1967 memperuntukkan manfaat terbit daripada skim saham sekiranya:

- (a) wujud hak untuk memperoleh saham dalam suatu syarikat, dan
- (b) hak tersebut dilaksanakan dalam suatu tempoh.

Manfaat tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar bagi tempoh di mana hak tersebut dilaksanakan.

6.2.3 Subseksyen 32(1A) ACP 1967 memperuntukkan dengan khusus cara pengiraan manfaat daripada skim saham. Amaun manfaat daripada skim saham yang diambil kira adalah seperti berikut:

Nilai pasaran saham pada tarikh skim boleh dilaksanakan atau Nilai pasaran saham pada tarikh skim dilaksanakan (yang mana rendah)	RM XXX
Tolak: Harga yang dibayar untuk saham (jika ada)	<u>XXX</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967	<u>XXX</u>

6.3 Layanan cukai semasa tempoh peralihan

6.3.1 Mulai tahun taksiran 2006, layanan cukai baru memberi implikasi cukai kepada pekerja yang telah ditawarkan skim opsyen saham pekerja sebelum peruntukan subseksyen 25(1A) dan subseksyen 32(1A) ACP 1967 diperkenalkan. Sekiranya opsyen yang ditawarkan sebelum peruntukan diperkenalkan tidak boleh dilaksanakan atau belum dilaksanakan, konsesi diberi kepada pekerja untuk membuat pilihan bagi mengguna pakai layanan cukai sebelum peruntukan subseksyen 25(1A) dan subseksyen 32(1A) ACP 1967 diperkenalkan (layanan sebelum tahun taksiran 2006). Pilihan hendaklah dibuat secara bertulis kepada majikan pada masa opsyen dilaksanakan.

6.3.2 Konsesi ini hanya terpakai bagi skim saham -

- (a) di mana harga tawaran telah ditentukan pada masa tawaran diberi kepada pekerja, dan
- (b) yang mempunyai ciri-ciri Skim Opsyen Saham Pekerja iaitu seperti diterangkan di perenggan 7.1 dalam Ketetapan ini.

Walau bagaimanapun, pilihan ini tidak terpakai kepada skim opsyen saham yang ditawarkan pada atau selepas 1.1.2006.

6.3.3 Menurut subseksyen 25(3) ACP 1967 jika pekerja memilih layanan cukai yang terpakai sebelum tahun taksiran 2006, apabila beliau melaksanakan opsyen 6 tahun selepas tarikh tawaran, manfaat saham akan dicukai dalam tahun taksiran yang akan bermula 5 tahun sebelum permulaan tahun taksiran di mana beliau melaksanakan opsyen tersebut.

6.4 Perubahan harga saham selepas opsyen dilaksanakan

Jika berlaku perubahan dalam nilai saham selepas skim saham telah dilaksanakan oleh pekerja kerana:

- (a) kenaikan dan penurunan di dalam nilai saham
- (b) perubahan harga saham akibat daripada pemberian saham bonus berdasarkan kepada pemegang saham biasa oleh pekerja, atau
- (c) keuntungan ataupun kerugian yang timbul daripada pelupusan saham

tidak akan mempengaruhi dan memberi kesan ke atas pendapatan pengajian yang dikenakan cukai.

6.5 Manfaat saham daripada skim saham yang dilaksana (*exercised*), diserahkan (*assigned*), dilepas (*released*) atau diperolehi (*acquired*)

6.5.1 Melaksana hak ke atas skim saham

Pekerja hanya boleh melaksana skim saham berkaitan saham majikan apabila ianya terletakkah. Manfaat yang terbit daripada melaksanakan hak tersebut adalah perkuisit seperti diterangkan di perenggan 6.2.3 di atas.

Contoh 2

Fakta sama seperti di contoh 1 kecuali nilai pasaran saham pada tarikh boleh laksana dan tarikh dilaksana adalah masing-masing RM5.00 dan RM8.00 seunit.

Hak Afandi ke atas saham akan wujud pada 1.12.2012. Apabila Afandi melaksana haknya ke atas saham tersebut pada 25.3.2013, beliau memperoleh 1000 unit saham syarikat.

Manfaat ditentukan seperti berikut:

	RM
1,000 unit X RM (5.00 atau 8.00 seunit yang mana rendah)	5,000
Tolak: Harga yang dibayar untuk saham	<u>3,000</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967	<u>2,000</u>

6.5.2 Penyerahan (*Assignment*) hak ke atas skim saham

Perkataan penyerahan merujuk kepada keadaan di mana seorang pekerja memindahkan keseluruhan atau sebahagian kepentingan beliau dalam hak yang diperolehi di bawah perjanjian opsyen skim saham kepada pihak ketiga. Pekerja boleh dibenarkan untuk berbuat demikian jika terdapat peruntukan dalam undang-undang kecil yang membenarkan hak yang diperolehi di bawah skim saham dipindahkan kepada orang lain. Jika pekerja menerima balasan atas penyerahan hak yang diperolehi di bawah skim saham, balasan tersebut

merupakan perkuisit dan dianggap sebahagian daripada pendapatan kasar daripada penggajian.

Contoh 3

Fakta sama seperti dalam Contoh 2 kecuali menurut undang-undang kecil skim saham, pekerja dibenarkan untuk menyerahkan hak yang diperoleh di bawah skim saham kepada orang lain dalam syarikat yang sama. Pada 25.3.2013, Afandi menyerahkan haknya untuk skim saham kepada rakan sekerja, Enon untuk RM5,000 kerana tidak melaksanakan skim saham untuk dirinya sendiri.

Memandangkan Afandi telah melepaskan haknya ke atas skim saham kepada Enon, balasan sejumlah RM5,000 yang terbit daripada penyerahan skim saham tersebut diambil kira sebagai perkuisit yang dikenakan cukai untuk tahun taksiran 2013.

6.5.3 Melepaskan (*Release*) hak ke atas skim saham

Undang-undang kecil skim saham boleh memperuntukkan bahawa pekerja boleh melepaskan haknya untuk memperoleh saham di bawah skim saham tanpa melaksana hak itu. Ini diperuntukkan dalam situasi yang melibatkan pengambilalihan, penyusunan / penstrukturan semula atau penggulungan sukarela syarikat. Jika pekerja menerima balasan untuk melepaskan hak yang diperoleh di bawah skim saham, balasan tersebut merupakan perkuisit dan dianggap pendapatan kasar daripada penggajian.

Hak untuk memperoleh saham tertentu mungkin boleh ditukar kepada hak untuk memperoleh saham jenis lain. Ini boleh berlaku akibat daripada pengambilalihan atau penyusunan / penstrukturan semula syarikat. Jika pertukaran seumpama itu berlaku, kes perlu dirujuk kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk pengesahan dalam menentukan asas taksiran yang patut digunakan. Apabila hak baru diterima berikutan pertukaran tersebut perhatian perlu diberikan untuk menentukan peruntukan berkaitan yang terpakai apabila hak baru kemudiannya dilaksanakan, diserahkan atau dibebaskan.

Contoh 4

Fakta sama seperti di Contoh 1 kecuali Syarikat M melaksanakan penyusunan semula pada 31.10.2013 iaitu sebelum Afandi melaksanakan haknya ke atas skim saham tersebut. Pada 31.10.2013, Syarikat M membayar Afandi sebanyak RM20,000 untuk pelepasan hak ke atas skim saham yang telah ditawarkan kepadanya.

Balasan sebanyak RM20,000 yang terbit daripada penyerahan hak Afandi ke atas skim saham merupakan perkuisit dan diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian untuk tahun taksiran 2013.

6.5.4 Pemerolehan (*Acquisition*) hak ke atas skim saham

Pekerja memperoleh hak untuk skim saham apabila haknya terletakhak. Setelah memperoleh hak ke atas skim saham, pekerja melaksanakan hak tersebut. Dalam erti kata lain pada tarikh pemerolehan hak untuk skim saham, pekerja melaksanakan haknya.

Contoh 5

Rudy telah diberi opsyen ke atas skim saham oleh majikannya pada 1.4.2012. Walaupun Rudy ditawarkan skim saham pada 1.4.2012, beliau hanya akan memperoleh hak ke atas saham tersebut apabila memenuhi syarat untuk meneruskan penggajian dengan majikan yang sama sehingga 1.4.2014.

Rudy melaksanakan haknya ke atas skim saham dengan serta-merta pada 1.4.2014.

7. Pengiraan Nilai Manfaat Saham

7.1 Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)

SOSP adalah suatu skim yang memberi tawaran kepada pekerja untuk membeli saham pada harga yang ditetapkan semasa tawaran dibuat. Tarikh opsyen ditawarkan, tarikh opsyen pertama kali boleh laksana dan tarikh akhir opsyen boleh dilaksana dinyatakan dalam undang-undang kecil skim tersebut. Dalam kes di mana opsyen ditawarkan adalah seperti berikut:

Tarikh opsyen saham ditawarkan:	1.6.2011
Tarikh mula boleh laksana:	2.1.2012
Tarikh akhir boleh laksana:	30.5.2013
Harga saham ditawarkan:	Dinyatakan pada masa tawaran

Pekerja hanya boleh melaksanakan opsyen apabila ianya terletakhak dalam tempoh boleh laksana. Apabila pekerja melaksanakan opsyen, manfaat daripada SOSP yang boleh dikenakan cukai sebagai perkuisit akan ditentukan.

7.1.1 Terletakhak serta merta

Pekerja boleh ditawarkan opsyen oleh majikan untuk membeli bilangan saham yang ditentukan oleh syarikat pada harga yang ditetapkan, dengan 100% terletakhak serta merta pada tarikh tawaran dibuat.

Contoh 6

Pada 1.4.2012, Aaron telah ditawarkan opsyen oleh syarikat untuk membeli 1,000 unit saham syarikat pada harga RM1.00 seunit. Aaron membeli 1,000 unit saham pada 1.4.2012 dan nilai pasaran saham pada tarikh tersebut adalah RM1.25 seunit.

Manfaat daripada SOSP yang dikenakan cukai sebagai perkuisit adalah ditentukan pada 1.4.2012 seperti berikut:

	RM
Nilai pasaran saham pada 1.4.2012 (1,000 unit X RM1.25)	1,250
Tolak: Harga tawaran saham pada 1.4.2012 (1,000 unit x RM1.00)	<u>1,000</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP1967	<u>250</u>

Manfaat ini dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian Aaron dalam tahun taksiran 2012.


7.1.2 Terletakhak mengikut asas masa

Pekerja boleh ditawarkan opsyen oleh majikan untuk membeli bilangan saham yang ditentukan oleh syarikat pada harga laksana yang ditetapkan pada bila-bila masa dalam tempoh masa yang ditetapkan tetapi hanya berkenaan dengan opsyen terletakhak.

Contoh 7

Sebuah syarikat telah menawarkan 1,000 unit saham di bawah skim opsyen saham kepada pekerjanya pada 2.6.2012 dengan harga RM1.45 seunit. Nilai pasaran saham ini pada 2.6.2012 adalah RM1.65 seunit. Pekerja diberi tempoh 5 tahun untuk melaksanakan opsyen ini mulai 2.1.2013 hingga 31.12.2017. Nilai pasaran saham ini pada 2.1.2013 adalah RM1.85 seunit. Pada 31.1.2014, Govinda melaksanakan opsyen ini dengan membeli 1,000 unit saham syarikat. Nilai pasaran saham pada 31.1.2014 adalah RM1.95 seunit.

Tarikh tawaran	Tarikh mula boleh laksana	Tarikh dilaksana	Tarikh akhir boleh laksana
2.6.2012	2.1.2013	31.1.2014	31.12.2017



←-----> ←-----> Tempoh boleh laksana ----->
Tempoh terletak

Manfaat ditentukan pada 31.1.2014 seperti berikut:

	RM
1,000 unit x RM (1.85 atau 1.95 seunit mana lebih rendah)	1,850
Tolak: Harga dibayar untuk saham (1,000 unit x RM1.45)	<u>1,450</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967	<u>400</u>

Manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian Govinda dalam tahun taksiran 2014.

7.1.3 SOSP ditawarkan sebelum tahun taksiran 2006 dan dilaksana selepas 6 tahun daripada tarikh tawaran

Dalam beberapa kes pekerja telah ditawarkan opsyen oleh majikan untuk membeli bilangan saham yang ditentukan dalam stok syarikat pada harga yang ditetapkan sebelum tahun taksiran 2006 tetapi hanya melaksanakan opsyen selepas 6 tahun dari tarikh tawaran. Manfaat saham akan dikenakan cukai dalam tahun taksiran yang akan bermula 5 tahun sebelum permulaan tahun taksiran di mana beliau melaksanakan opsyen tersebut.

Contoh 8

Govinda ditawarkan 5,000 unit saham oleh majikan pada 31.8.2005 pada harga RM1.00 seunit. Nilai pasaran saham pada 31.8.2005 adalah RM1.30 seunit. Govinda dibenarkan untuk melaksanakan opsyen saham beliau bermula dari 1.1.2008 hingga 31.12.2014. Beliau melaksanakan opsyen pada 31.1.2014.

Oleh kerana opsyen saham ditawarkan sebelum 1.1.2006 Govinda berhak memilih untuk menggunakan kaedah pengiraan (seperti diterangkan di perenggan 6.1 di atas) seperti berikut:

	RM
Nilai pasaran pada tarikh tawaran (1,000 unit x RM1.30)	1,300
Tolak: Harga tawaran (1,000 unit x RM1.00)	<u>1,000</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP1967	<u>300</u>

Manfaat yang diterima merupakan perkuisit dan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian Govinda dalam tahun taksiran 2009 seperti yang dijelaskan di perenggan 6.3.3 di atas.

7.1.4 Terletakhak mengikut jadual


Pekerja boleh ditawarkan opsyen oleh majikan untuk membeli bilangan saham yang ditentukan dalam stok syarikat pada harga yang ditetapkan pada tarikh yang dinyatakan mengikut jadual terletakhak.

Contoh 9

Seorang pekerja telah ditawarkan oleh majikannya opsyen untuk membeli saham syarikat dan maklumat adalah seperti berikut:

Tawaran opsyen	6,000 unit pada 2.1.2012 pada harga RM1.50 seunit Tarikh akhir boleh laksana pada 31.12.2014
Tarikh opsyen dan bilangan saham yang boleh laksana	2,000 unit setiap tahun. Opsyen boleh laksana pada hari pertama setiap tahun seperti berikut: 2.1.2012 – nilai pasaran RM2.80 seunit 2.1.2013 – nilai pasaran RM3.50 seunit 2.1.2014 – nilai pasaran RM4.00 seunit
Tarikh dilaksana	1,900 unit pada 31.10.2012 – nilai pasaran RM3.00 1,800 unit pada 30.9.2013 – nilai pasaran RM3.80 2,300 unit pada 10.5.2014 – nilai pasaran RM4.20

Jadual terletakhak dan boleh laksana adalah seperti di bawah:



Pengiraan manfaat yang dikenakan cukai adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Manfaat Opsyen Saham	RM
2012	3 ¹ 1,900 unit x RM [(3.00 atau 2.80 seunit yang mana rendah) tolak 1.50]	2,470
2013	100 unit x RM [(3.80 atau 2.80 seunit yang mana rendah) tolak 1.50] 1,700 unit x RM [(3.80 atau 3.50 seunit yang mana rendah) tolak 1.50]	130 3,400.00
2014	300 unit x RM [(4.20 atau 3.50 seunit yang mana rendah) tolak 1.50] 2,000 unit x RM [(4.20 atau 4.00 seunit yang mana rendah) tolak 1.50]	600 5,000

³Nota: $1,900 \times (\text{RM}2.80 \text{ tolak } \text{RM}1.50) = 1,900 \times \text{RM}1.30 = \text{RM}2,470$

7.2 Pelan Pembelian Saham Pekerja (PPSP)

Skim PPSP mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan SOSP kecuali bayaran bagi pembelian saham dibuat secara potongan gaji. Potongan gaji dibuat bagi tempoh tertentu bergantung kepada undang-undang kecil skim tersebut. Tarikh ansuran terakhir yang dibuat melalui potongan gaji dianggap sebagai tarikh PPSP dilaksanakan. Tarikh lain yang dinyatakan (jika ada) hanyalah merupakan tarikh bagi urusan pentadbiran skim saham berkenaan.

Contoh 10

Pembelian Saham Setiap 12 Bulan Melalui Potongan Gaji

Sebuah syarikat telah melancarkan PPSP bagi pekerjaanya pada 1.2.2012. Opsyen tersebut telah ditawarkan kepada pekerja pada 28.2.2012. Nilai pasaran saham ini pada 28.2.2012 adalah RM1.65 seunit. Pekerja diberi hak untuk membeli saham setiap 12 bulan dengan membuat potongan gaji. Potongan gaji dari bulan Mac 2012 hingga bulan Februari 2013 berjumlah RM1,390 digunakan oleh pekerja untuk membeli 1,000 unit saham dengan harga RM1.39 seunit. Nilai pasaran saham ini pada 28.2.2013 adalah RM1.75 seunit.

Manfaat daripada PPSP adalah ditentukan pada 28.2.2013 seperti berikut:

	RM
⁴ Nilai pasaran saham pada 28.2.2013 (1,000 X RM1.75 seunit)	1,750
Harga yang dibayar untuk saham (1,000 X RM1.39 seunit)	<u>1,390</u>
Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967	<u>360</u>

Oleh kerana tarikh ansuran terakhir melalui potongan gaji adalah pada 28.2.2013, manfaat ini akan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan penggajian pekerja untuk tahun taksiran 2013.

⁴Nilai Pasaran:

Tarikh boleh laksana adalah sama dengan tarikh dilaksanakan iaitu pada 28.2.2013. Nilai pasaran saham seunit yang diambil (RM1.75) adalah pada tarikh potongan gaji terakhir (28.2.2013).

7.3 Skim *Share Award*

7.3.1 *Share Award*

Skim *Share Award* melibatkan pemberian saham sebenar secara percuma ataupun dengan harga yang lebih rendah daripada nilai pasaran dan bukan tawaran opsyen saham. Majikan akan menentukan terma skim dalam undang-undang kecil dan pekerja akan diberi hak untuk memiliki saham seperti yang dijanjikan atau diberi wang tunai sebagai ganti saham pada tarikh terletakhak. Skim *Share Award* termasuk *Restricted Shares Award* atau *Restricted Stock Unit Plan*.

(a) Saham diberi secara percuma

Pekerja boleh diberi saham syarikat atau saham syarikat induk secara percuma oleh majikan mereka.

Contoh 11

Pengarah urusan sebuah syarikat telah diberikan 1,000 unit saham syarikat induk secara percuma pada 1.6.2012 sebagai tambahan kepada gaji yang diterima oleh beliau. Saham tersebut didagangkan di Bursa Saham Malaysia dan nilai pasaran saham pada 1.6.2012 adalah bersamaan dengan RM6.00 seunit. Pada 30.8.2012, pengarah tersebut telah menjual sahamnya pada harga RM8.00 seunit.

Pengiraan manfaat adalah seperti berikut:

$$1,000 \text{ unit} \times \text{RM}6.00 \text{ seunit} = \text{RM}6,000.$$

Manfaat yang diterima adalah perkuisit yang dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian pengarah tersebut untuk tahun taksiran 2012.

Nota:

Keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan saham tidak memberi apa-apa kesan cukai ke atas pengarah tersebut.

(b) Saham diberi secara percuma mengikut jadual terletakhak

Pekerja boleh diberi saham syarikat atau saham syarikat induk secara percuma oleh majikan mereka mengikut tarikh terletakhak berjadual.

Contoh 12

Pada 1.6.2012 Shah Jihan telah diberikan sebanyak 20,000 unit saham syarikat secara percuma untuk tempoh 5 tahun bekerja.

Undang-undang kecil skim saham telah menyatakan pekerja layak mendapat 20% daripada 20,000 unit saham pada 30 Jun setiap tahun berikutnya. Nilai saham pada 30 Jun bagi setiap tahun adalah nilai pasaran saham pada tarikh terletakhak.

Shah Jihan mendapat 20% daripada 20,000 unit saham tersebut pada 30 Jun setiap tahun berikutnya apabila syarat-syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil skim dipenuhi. Nilai saham pada 30 Jun setiap tahun adalah nilai pasaran saham pada tarikh terletakhak.

Pengiraan bagi manfaat yang diterima pada 30 Jun setiap tahun adalah seperti berikut:

	Manfaat Saham Pada 30 Jun					
Tahun Taksiran	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Tawaran (Unit & %)	20,000	20% 4,000	20% 4,000	20% 4,000	20% 4,000	20% 4,000
Dilaksanakan (Unit)		4,000	4,000	4,000	⁵ 2,000	⁶ 6,000
Nilai Pasaran (RM)		4.00	3.50	2.50	2.00	3.00
Manfaat (RM)		16,000	14,000	10,000	4,000	18,000

⁵Dalam tahun taksiran 2016 Shah Jihan berhak ke atas 4,000 unit saham. Walau bagaimanapun hanya 2,000 unit saham sahaja diberikan kerana nilai pasaran saham adalah sangat rendah.

Oleh itu, manfaat bagi tahun taksiran 2016 adalah seperti berikut:

$$2,000 \text{ unit} \times \text{RM}2.00 \text{ seunit} = \text{RM}4,000.$$

⁶Dalam tahun taksiran 2017 Shah Jihan berhak ke atas 6,000 unit saham iaitu baki 2,000 unit dari tahun taksiran 2016 dan 4,000 unit bagi tahun taksiran 2017. Shah Jihan diberi baki 6,000 unit saham tersebut.

Oleh itu, manfaat bagi tahun taksiran 2017 adalah seperti berikut:

$$6,000 \text{ unit} \times \text{RM}3.00 \text{ seunit} = \text{RM}18,000$$

7.3.2 *Share award* bersyarat

Dalam kes di mana syarat dikenakan semasa skim saham ditawarkan, pekerja hanya boleh diberikan saham selepas semua syarat yang dikenakan tersebut dipenuhi dalam tempoh yang tertentu.

(a) Saham syarikat induk diberi secara percuma

Saham syarikat induk boleh diberi secara percuma kepada pekerja oleh majikan mereka tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah dikenakan oleh majikan.

Contoh 13

Pada 1.3.2012, seorang pengarah urusan sebuah syarikat telah ditawarkan 1,000 unit saham syarikat induknya secara percuma sebagai tambahan kepada gaji yang diterima dengan syarat beliau perlu kekal dengan syarikat sekurang-kurangnya untuk tempoh 2 tahun. Syarikat disenaraikan di Bursa Saham Singapura dan nilai pasaran saham itu pada 1.3.2012 adalah bersamaan dengan RM5.40 seunit. Hak milik saham hanya ditukarkan kepada pengarah urusan tersebut pada 1.3.2015. Nilai pasaran saham pada 1.3.2015 adalah RM5.00 seunit.

Manfaat yang boleh dikenakan cukai sebagai perkuisit ke atas pengarah urusan tersebut dalam tahun taksiran 2015 adalah sebanyak RM5,000 (1,000 unit X RM5.00 seunit).

Nota:

Jika hak milik saham dipindahkan pada tarikh 8.3.2015 iaitu selain daripada tarikh yang dinyatakan dalam undang-undang kecil skim *Share Award* (1.3.2015), manfaat yang dikenakan cukai adalah dikira pada tarikh terletakhak (1.3.2015). Tarikh terletakhak telah dinyatakan dalam undang-undang kecil.

(b) Saham syarikat induk diberi dengan harga diskaun

Saham syarikat induk boleh diberi kepada pekerja pada harga diskaun oleh majikan mereka tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah dikenakan oleh majikan.

Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali pengarah urusan syarikat ditawarkan 1,000 unit saham syarikat induk pada harga RM1.00 seunit saham yang kurang daripada nilai pasaran iaitu RM5.00 seunit pada 1.3.2012.

Manfaat yang boleh dikenakan cukai sebagai perkuisit ke atas pengarah urusan tersebut dalam tahun taksiran 2015 adalah sebanyak RM4,000 [1,000 unit X (RM5.00 seunit tolak RM1.00)].

- (c) Pemberian wang tunai yang bersamaan dengan nilai saham syarikat induk

Wang tunai bersamaan dengan nilai saham syarikat induk boleh diberikan kepada pekerja oleh majikan mereka tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah dikenakan oleh majikan.

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti di contoh 13 kecuali pengarah urusan syarikat diberikan wang tunai bersamaan dengan nilai pasaran 1,000 unit saham syarikat induk pada tarikh terletakhak.

Manfaat yang boleh dikenakan cukai sebagai perkuisit ke atas pengarah urusan tersebut untuk tahun taksiran 2015 adalah sebanyak RM5,000 (1,000 unit X RM5.00 seunit).

7.4 Share Appreciation Rights Scheme (SARS)

Majikan menawarkan SARS kepada pekerja secara percuma, di mana pekerja diberi hak pada masa yang ditetapkan untuk menerima wang tunai yang bersamaan dengan peningkatan nilai bagi sejumlah unit saham syarikat. Oleh itu, SARS adalah hadiah yang memperuntukkan kepada pekerja manfaat pemilikan saham tanpa pemindahan sebenar saham dan tanpa memerlukan pekerja membayar untuk kos saham. SARS ditawarkan pada harga tetap dan pada amnya mempunyai tarikh terletakhak dan tempoh tamat. Apabila SARS terletakhak, pekerja dibayar suatu amaun yang bersamaan dengan nilai peningkatan saham dalam bentuk wang tunai, saham atau gabungan kedua-dua wang tunai atau saham mengikut undang-undang kecil skim tersebut. Nilai peningkatan saham adalah perbezaan antara nilai harga saham syarikat pada tarikh tawaran dan pada tarikh terletakhak.

Contoh 16

Pada 1.3.2012, Jeswant Singh telah ditawarkan SARS di mana beliau layak untuk memperoleh sejumlah amaun wang tunai bersamaan dengan peningkatan dalam nilai 50,000 unit saham syarikat pada tarikh saham terletakhak iaitu pada 2.3.2016.

Manfaat daripada SARS yang dikenakan cukai ke atas Jeswant Singh pada 2.3.2016 adalah ditentukan mengikut terma dan syarat skim seperti berikut:

Pemberian hak ke atas peningkatan nilai saham secara wang tunai pada 1.3.2012 (Unit)	50,000
Nilai pasaran saham seunit pada 1.3.2012 (RM)	3.60
Nilai pasaran saham seunit pada tarikh saham terletak hak, 2.3.2016 (RM)	4.00
Manfaat yang diterima pada 2.3.2016 [(4.00 tolak 3.60) x 50,000] (RM)	20,000.00

Jeswant Singh tidak akan memiliki saham syarikat tetapi sebaliknya menerima manfaat daripada peningkatan nilai saham dalam bentuk wang tunai iaitu RM20,000 yang dikenakan cukai sebagai perkuisit dalam tahun taksiran 2016.

7.5 Skim Waran

Waran adalah sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat memberi hak tetapi bukan kewajipan kepada pemegang untuk memperoleh saham pada harga spesifik. Hak tersebut akan tamat tempoh pada tarikh yang ditentukan. Pada umumnya waran dikeluarkan berhubung dengan tawaran saham atau bon dan boleh didapati oleh orang awam di pasaran terbuka di mana waran tersebut boleh dilaksana atau diperdagangkan. Jika waran boleh diperdagangkan dikeluarkan oleh syarikat, waran sedemikian boleh diperdagangkan di Bursa Saham dan keuntungan boleh diperoleh daripada jualan waran tersebut. Waran yang diperdagangkan juga boleh dilaksanakan dengan membeli saham atau dibiarkan / diabaikan hingga tamat tempoh.

Pekerja syarikat juga boleh ditawarkan hak untuk waran seperti opsyen saham. Jika waran boleh diperdagangkan ditawarkan kepada pekerja pada harga diskaun, perbezaan antara nilai pasaran dan harga waran yang dibayar adalah dikenakan cukai. Keuntungan atau kerugian hasil daripada jualan saham oleh pekerja adalah bersifat modal.


Contoh 17

Pada 1.6.2012 syarikat YY Sdn Bhd telah menawarkan langganan waran (saham) pada harga RM0.20 seunit (nilai pasaran - RM0.50 seunit) kepada pekerja. Apabila melaksanakan waran tersebut, pekerja boleh membeli saham syarikat pada harga RM5.00 seunit. Tempoh boleh laksana waran adalah daripada 1.6.2012 hingga 31.5.2016.

Daniel ditawarkan 10,000 unit waran yang melayakkan beliau membeli 10,000 unit saham dan di bawah terma dan syarat langganan, tarikh akhir untuk melaksanakan waran adalah pada 14.6.2012. Daniel melaksanakan

tawaran pada 10.6.2012 di mana nilai pasaran waran adalah RM0.70. Nilai pasaran waran pada tarikh akhir boleh laksana adalah RM0.80

Situasi diringkaskan seperti berikut:



Manfaat yang dikenakan cukai sebagai perkuisit untuk tahun taksiran 2012 adalah ditentukan seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= \text{Bilangan unit waran} \times (\text{Nilai pasaran waran pada tarikh waran} \\
 &\quad \text{dilaksana tolak harga tawaran seunit}) \\
 &= 10,000 \times (\text{RM}0.70 - \text{RM}0.20) \\
 &= 10,000 \times \text{RM}0.50 \\
 &= \text{RM}5,000
 \end{aligned}$$

7.6 Saham tambahan (bonus) yang diterbitkan sebelum pekerja melaksanakan skim saham yang ditawarkan

Dalam keadaan syarikat ingin menambah bilangan saham syarikat, saham tambahan (bonus) diterbitkan. Saham tambahan boleh diberikan kepada pekerja yang telah ditawarkan skim saham dalam bentuk nisbah ke atas saham biasa yang telah ditawarkan.

Contoh 18

Pada 2.1.2012 syarikat menawarkan saham dengan harga RM4.62 seunit kepada pekerja. Pekerja dikehendaki melaksanakan skim pada 1.10.2012 dan 1.10.2013 dan jumlah maksima saham yang dibenarkan untuk dilaksanakan adalah sebanyak 50% setahun. Pada 1.6.2012 saham tambahan telah diterbitkan dengan nisbah 2 saham bagi setiap 5 saham biasa. Harga tawaran telah dibahagikan mengikut kadar tertentu selepas saham tambahan dikeluarkan pada RM3.30 seunit. Farah telah ditawarkan 40,000 unit saham biasa pada 2.1.2012 dan melaksanakan saham tersebut pada 1.10. 2012 dan 1.10.2013. Nilai pasaran saham pada 1.10.2012 dan 1.10.2013 adalah RM4.20 dan RM5.10 masing-masing.

Kedudukan Saham Pada 2.1.2012

Jumlah Saham (Unit) A	Harga Tawaran (RM) B	Jumlah (RM) $C = A \times B$
40,000	4.62	184,800.00

Kedudukan Saham Selepas Saham Bonus Diterbitkan Pada 1.6.2012

Jumlah Saham Biasa (Unit) A	Nisbah Saham Bonus (2 : 5) B	Selepas Saham Bonus		
		Jumlah Saham (Unit) $C = A+B$	Harga Tawaran (RM) D	Jumlah (RM) $E = C \times D$
40,000	$40,000/5 \times 2 = 16,000$	$40,000 + 16,000 = 56,000$	3.30	184,800.00

Manfaat saham bagi Farah dikira seperti berikut:

Tarikh Dilaksanakan	Tahun Taksiran	Jumlah Saham Biasa (Unit) A	Harga Pasaran (RM) B	Harga Tawaran (RM) C	Manfaat Saham (RM) $D = A \times (B-C)$
1.10.2012	2012	28,000	4.20	3.30	25,200
1.10.2013	2013	28,000	5.10	3.30	50,400

7.7 Penggantian hak memperoleh saham

Dalam kes di mana skim saham untuk hak memperoleh saham diganti dengan bayaran wang tunai oleh majikan (seperti dinyatakan dan undang-undang kecil), pekerja tidak lagi mempunyai hak untuk memperoleh saham majikan. Penggantian dalam bentuk wang tunai untuk melepaskan hak ke atas saham adalah merupakan manfaat daripada suatu pengajian yang dikenakan cukai sebagai perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.

Contoh 19

Fakta adalah sama seperti contoh 13 kecuali tawaran saham tersebut diganti dengan wang tunai bersamaan dengan nilai saham dan harga pasaran saham pada 1.3.2012 adalah RM5.20 seunit. Pengarah urusan

tersebut telah dibayar wang tunai sebanyak RM5,200 oleh syarikat induknya.

Manfaat yang boleh dikenakan cukai sebagai perkuisit ke atas pengarah urusan tersebut untuk tahun taksiran 2012 adalah jumlah wang tunai yang diterimanya iaitu RM5,200.

8. Tanggungjawab Pekerja

Pekerja dikehendaki untuk:

- (a) membuat taksiran dengan mengambil kira manfaat saham sebagai pendapatan daripada penggajian bagi tempoh asas dalam mana skim saham tersebut dilaksanakan,
- (b) melaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) iaitu Borang B, BE atau M amaun yang berkaitan dengan manfaat daripada skim saham yang telah dilaksanakan, dan
- (c) memastikan bahawa cukai pendapatan ke atas manfaat tersebut dibayar:
 - (i) melalui potongan daripada saraan di bawah Potongan Cukai Bulanan (PCB) dalam bulan skim dilaksanakan atau jumlah cukai tersebut dibayar melalui skim ansuran berasaskan PCB (bilangan ansuran yang dibenarkan adalah maksimum 12 bulan),
 - (ii) semasa mengemukakan BNCP, atau
 - (iii) dengan membuat peraturan dengan LHDNM untuk membayar amaun cukai melalui ansuran di mana majikan dikehendaki mematuhi arahan CP38 yang dikeluarkan oleh LHDNM.

Nota:

Jika pekerja memilih untuk membayar sendiri cukai yang terbit daripada manfaat saham ini semasa mengemukakan BNCP dan bukannya membuat bayaran melalui PCB, pilihan perlu dibuat secara bertulis kepada majikan semasa skim saham dilaksanakan.

9. Tanggungjawab Majikan

9.1 Apabila sesebuah syarikat melancarkan satu skim saham untuk pekerja, syarikat sebagai majikan hendaklah dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh penerimaan tawaran seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil skim saham, memaklumkan kepada LHDNM mengenai pelancaran skim saham tersebut. Pemberitahuan mengenai pelancaran skim saham hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang BT/MSSP/2012 (Lampiran A) untuk dikemukakan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail majikan. Dokumen berikut perlu disimpan untuk tujuan audit:

- (a) undang-undang kecil skim saham

-
- (b) Resolusi Lembaga Pengarah atau Resolusi Mesyuarat Umum Luar Biasa yang meluluskan pelancaran skim saham tersebut
 - (c) contoh surat tawaran yang menyatakan harga tawaran dan bilangan saham yang ditawarkan
 - (d) contoh surat penerimaan tawaran
 - (e) bukti nilai pasaran saham berdasarkan pada harga pasaran pada tarikh berkenaan (seperti dinyatakan dalam perenggan 5.5) yang boleh diperolehi daripada akhbar atau dimuat turun daripada laman web yang menunjukkan aktiviti perdagangan saham tersebut pada hari berkenaan, dan
 - (f) bagi syarikat yang menawarkan saham dalam syarikat yang tidak disenaraikan di mana-mana Bursa Saham –
 - (i) kunci kira-kira beraudit (pada tarikh boleh laksana dan tarikh laksana) syarikat yang menawarkan saham kepada pekerja, dan
 - (ii) contoh salinan sijil saham yang akan dikeluarkan kepada pekerja, dan
 - (g) maklumat pekerja yang menerima tawaran – Lampiran B.
- 9.2 Apabila seseorang pekerja yang ditawarkan skim saham telah melaksanakan haknya di bawah skim tersebut, majikan hendaklah:
- (a) memastikan bahawa cukai yang akan dikenakan ke atas manfaat yang terbit daripada skim saham dipotong daripada saraan pekerja berdasarkan Jadual PCB (Kaedah 3) dalam bulan skim itu dilaksanakan,
 - (b) membuat potongan cukai daripada saraan pekerja yang memilih untuk membayar cukai secara ansuran melalui potongan bulanan (maksimum 12 bulan) bermula daripada bulan skim tersebut dilaksanakan, atau
 - (c) memastikan pilihan yang dibuat oleh pekerja untuk membayar sendiri cukai yang terbit daripada perkuisit ini dibuat secara bertulis pada masa skim saham dilaksanakan semasa mengemukakan BNCP.
- [Jika LHDNM bersetuju untuk membenarkan pekerja membayar cukai ke atas manfaat saham secara ansuran dengan mengeluarkan Arahan Potongan Cukai C.P. 38, majikan hendaklah mematuhi arahan tersebut]
- 9.3 Majikan juga dikehendaki melaporkan manfaat ini dalam Borang EA pekerja dalam tahun skim tersebut dilaksanakan. Pada masa yang sama, majikan juga dikehendaki mengemukakan maklumat pekerja (Lampiran C) yang

telah melaksanakan hak mereka di bawah sesuatu skim kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail majikan.

- 9.4 Majikan dikehendaki untuk mematuhi peruntukan seksyen 82A ACP 1967 berkaitan dengan tanggungjawab menyimpan rekod untuk tujuan audit.

10. Perbelanjaan Berkaitan Terbitan Saham Baru

10.1 Terbitan saham baru syarikat

Apabila syarikat memenuhi kewajipan di bawah skim saham pekerja melalui terbitan saham baru syarikat itu sendiri, terbitan saham baru tersebut hanya melibatkan pergerakan dalam akaun modal saham syarikat.

Dari perspektif perakaunan (MFRS 2 : Pembayaran Berasaskan Saham), perbelanjaan (nilai saksama saham) yang diiktiraf bagi terbitan saham baru untuk memenuhi kewajipan di bawah skim saham pekerja adalah dicaj ke akaun untung rugi sebagai kos kakitangan. Walaupun perbelanjaan dicaj ke akaun untung rugi sebagai kos kakitangan, syarikat tidak melakukan perbelanjaan sebenar yang merupakan perbelanjaan yang sepenuhnya dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan. Oleh itu, tiada potongan dibenarkan bagi perbelanjaan yang dituntut sebagai kos kakitangan dalam akaun untung rugi berkaitan terbitan saham baru untuk memenuhi kewajipan syarikat di bawah skim saham pekerja.

10.2 Terbitan saham baru syarikat induk / subsidiari

Syarikat yang menawarkan kepada pekerjaanya terbitan saham baru syarikat induknya atau subsidiarinya di bawah skim saham pekerja tidak dibenarkan potongan ke atas kos berkaitan saham baru tersebut.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



LAMPIRAN A

BORANG BT/MSSP/ 2012

**PEMBERITAHUAN OLEH MAJIKAN
DI BAWAH SEKSYEN 83 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
BERHUBUNG DENGAN MANFAAT YANG DITERIMA OLEH PEKERJA
DARIPADA SKIM SAHAM PEKERJA**

(Borang ini hendaklah dilengkapi oleh majikan dalam satu (1) salinan dan dikemukakan ke cawangan LHDNM dalam tempoh 30 hari selepas tamat tempoh penerimaan tawaran opsyen oleh pekerja seperti mana yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil)

PENGARAH,
CAWANGAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI, MALAYSIA

1. Nama skim saham pekerja yang dilancarkan:

2. Tarikh skim dilancarkan: _____
3. Tempoh skim: _____
4. Bilangan skim yang dilancarkan sebelum ini (jika ada):

5. Jumlah saham yang ditawarkan melalui skim ini:
 - a. Kuantiti: _____(unit)
 - b. Peratusan berbanding modal berbayar syarikat: _____(%)
6. Maklumat berhubung dengan syarikat yang melancarkan skim:-
 - a. Nama syarikat: _____
 - b. Alamat syarikat: _____
 - c. No. Telefon: _____
 - d. No. Faksimile: _____
 - e. No. Cukai Pendapatan Syarikat: C _____
 - f. Cawangan LHDNM: _____
 - g. No. Majikan: E _____
7. Nama syarikat yang sahamnya ditawarkan:

8. Maklumat syarikat jika ianya selain daripada syarikat yang melancarkan skim tersebut -
- a. Nama syarikat: _____
 - b. Negara asal: _____
 - c. Alamat: _____
 - d. No. Tel & Faks: _____
 - e. No. Cukai Pendapatan (jika ada): C _____
 - f. Cawangan LHDNM: _____
 - g. No. Majikan: E _____

- 9.. Nama-nama syarikat subsidiari/sekutu yang menyertai skim saham di atas:

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	No. Cukai Pendapatan	No. Tel No. Faks	Nombor Majikan
------	---------------	--------	----------------------	------------------	----------------

10. Keterangan ringkas skim yang dilancarkan:

Keterangan ini hendaklah merangkumi objektif, ciri utama skim, syarat penyertaan, cara pembiayaan dan faedah lain yang ditawarkan kepada pekerja yang berkaitan dengan skim ini seperti diskaun yang diberi ke atas harga semasa pembelian, sumbangan oleh majikan bagi membiayai pembelian, elaun untuk menanggung cukai ke atas manfaat yang timbul daripada manfaat saham ini dan lain-lain yang seumpama dengannya.

(Sila sediakan lampiran yang berasingan)

11. Tarikh tawaran skim saham:

(Sekiranya opsyen diberi berperingkat, sila nyatakan bilangan dan asas penentuan tarikh opsyen berkenaan).

12. Tarikh opsyen boleh laksana:

13. Tarikh skim dilaksanakan:

14. Pengiraan manfaat daripada skim saham:

Tarikh Opsyen Dilaksanakan	Nilai Pasaran (Pada Tarikh Opsyen Dilaksanakan Atau Boleh Dilaksanakan Yang Mana Rendah) (RM) (a)	Harga Tawaran (RM) (b)	Manfaat Daripada Skim Saham (RM) (c)=(a)-(b)

15. Pengakuan Majikan:

Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberi dalam borang pemberitahuan ini adalah benar dan betul.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh:



LAMPIRAN B

**SENARAI NAMA PEKERJA YANG MENERIMA TAWARAN DI BAWAH
SKIM SAHAM PEKERJA**

1. Nama Skim :
2. Tarikh Dilancarkan :
3. Tarikh Skim Saham Ditawarkan :

Bil.	Nama	No. K.P./ No. Pasport	No. Cukai Pendapatan	Alamat	Harga Tawaran (RM)	Bil Saham Yang Ditawarkan

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh:

LAMPIRAN C

**SENARAI NAMA PEKERJA YANG MELAKSANAKAN TAWARAN DI BAWAH
SKIM SAHAM PEKERJA**

1. Nama Skim :
2. Tarikh Dilancarkan :
3. Tarikh Tawaran Skim Saham :

Bil.	Nama	No. K.P./ No. Pasport	No. Cukai Pendapatan	Alamat	Nilai Pasaran Saham (Tarikh Boleh Lasana Atau Tarikh Dilaksana Yang Mana Rendah) (RM) (A)	Harga Yang Dibayar (RM) (B)	Manfaat Sesaham (RM) (A - B) = (C)	Bil Saham Yang Dilaksana (D)	Jumlah Manfaat (RM) (C x D) = (E)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh: